

# Bengkel EKSA disertai 60 kakitangan UMSKAL

UB 19.5.2016 B5

LABUAN: Seramai 60 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antara-bangsa Labuan (UMSKAL) telah menghadiri Bengkel

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Siri 1/2016 di Bilik Seminar Layangan, Aras 11, Bangunan Menara UMSKAL, Selasa lalu.

Bengkel sehari itu diken-dalikan Penolong Pengarah Kanan MAMPU Sabah, Fredoline Gilbert.

Turut menghadiri bengkel

itu ialah Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Ketua-ketua Bahagian dan pegawai kanan UMSKAL turut menyertai bengkel berkenaan.

Menurut Fredoline, EKSA banyak memberi manfaat kepada warga sektor awam termasuk mewujudkan persekitaran tempat kerja berkualiti (bersih, kemas dan rapi), meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya pengurusan organisasi dan mengenalpasti, mengurang dan menghapuskan pembaziran.

Selain itu, meningkatkan imej agensi sektor awam dan menjana idea kreatif dalam kalangan warga agensi terbabit.

"EKSA dapat meningkatkan semangat spirit de corp, meningkatkan disiplin warga jabatan, meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan dan mewujudkan piawaian kerja yang jelas," katanya.



**FREDOLINE** (empat kanan) dan Zamri (empat kiri) bersama kakitangan yang menyertai Bengkel Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Siri 1/2016 di Bilik Seminar Layangan, Aras 11, Bangunan Menara UMSKAL, Selasa lalu.